

31 JUL 2003

Ummo-PKPM

NAIB KETUA PEMUDA UMNO TERBABIT DENGAN PKPM SERAH DIRI

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Seorang Naib Ketua Pemuda Umno Negeri telah menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak awal pagi tadi kerana dipercayai terbabit dengan Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

Menurut polis, beliau yang juga merupakan Ketua Umno bahagian, dipercayai adalah orang yang kedua terpenting dalam PKPM peringkat negeri dan memakai pangkat "kolonel".

Beliau ditahan selepas menyerah diri pada kira-kira pukul 1 pagi tadi.

Bagaimanapun jurucakap polis itu enggan mengulas lanjut tentang penahanan tersebut dan menurut sumber, polis menyerbu sebuah butik yang menjual pakaian seragam PKPM di Selangor semalam, dan merampas kira-kira 60 pakaian seragam persatuan itu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, SAC II Abu Bakar Mustaffa ketika ditanya berhubung perkara itu, juga enggan membuat sebarang ulasan.

Beliau dijangka akan membuat sidang akhbar untuk menyatakan tentang perkembangan terbaru tentang kes PKPM esok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membuat kenyataan bahawa terdapat sebilangan kecil anggota Umno terlibat dengan PKPM.

Beliau berkata, mereka yang terlibat dalam pasukan itu terpedaya dengan janji yang diberi dan Umno masih mengkaji bentuk tindakan yang akan dikenakan ke atas anggotanya yang terlibat dalam PKPM.

-- BERNAMA

NSM RV AZH